

TEMA 3

KERJA TANGAN



UNIT 7: HASIL KERJAKU



Membaca

Baca kemudian fahami petikan di bawah. Berikan maksud rangkai kata yang berhuruf tebal.

Seni Anyaman

Anyaman merupakan seni tradisi dalam kehidupan masyarakat Melayu. Terdapat **pelbagai hasil seni** boleh dihasilkan daripada **sumber bahan semula jadi** seperti lidi, rotan, akar, buluh, pandan dan mengkuang.



3

Bahan daripada akar dan rotan ialah bahan asas yang awal digunakan. Tikar mengkuang dan tudung saji dihasilkan daripada **anyaman daun mengkuang**. Anyaman pandan pula dapat menghasilkan tikar dan hiasan dinding. Selain itu, bakul dan nyiru dihasilkan daripada anyaman buluh. Anyaman rotan pula dapat menghasilkan bakul dan buaian kanak-kanak.

Sehingga kini, beberapa negeri **masih terus aktif** menjalankan kegiatan anyaman. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia juga membantu mempromosikan seni anyaman ke seluruh negara. **Hasil tangan masyarakat** Malaysia perlu dikekalkan untuk manfaat generasi akan datang.

LATIHAN 1:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan anyaman?

2. Nyatakan 5 hasil seni daripada sumber bahan semulajadi

3. Mengapakah kita perlu mengekalkan seni anyaman?

LATIHAN 2:

A Senaraikan lima frasa nama dan frasa kerja yang terdapat dalam petikan.

Cikgu Najah membawa murid-muridnya melawat ke pameran kraf tangan anjuran Jabatan Pendidikan Negeri. Pameran tersebut bertujuan untuk mendedahkan hasil tangan dan inovasi murid serta guru dalam memanfaatkan bahan kitar semula. Terdapat pelbagai bahan yang dipamerkan seperti bakul hiasan, pasu bunga, batik cap dan inovasi bahan-bahan terbuang yang dikitar semula.

Mereka berasa sangat gembira kerana berpeluang untuk melihat hasil rekaan dan inovasi yang dipamerkan.

"Wah, banyak sungguh hasil kerja tangan yang menarik!" kata Fatin kepada Cikgu Najah.

"Memang cantik dan kreatif koleksi ini," jawab Cikgu Najah. Cikgu Najah dan murid-muridnya mengambil masa dua jam di tempat pameran tersebut.

Setelah melawat tempat pameran, mereka beredar untuk balik ke sekolah. Fatin dan rakan-rakan bersemangat untuk menghasilkan kerja tangan.

Bil.	Frasa Nama	Frasa Kerja
1		
2		
3		
4		
5		